

Akui cek atas nama peribadi

Wang tidak masuk ke akaun parti kerana perlu disemak juruaudit

SITI AZIELAH WAHI

Ketua UMNO Bahagian Padang Serai, Datuk Asmadi Abu Talib memberitahu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di sini bahawa Datuk Seri Najib Razak memberikan sumbangan RM50,000 melalui cek atas namanya bagi menjalankan program parti.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi, Asmadi, 50, atau dikenali sebagai Cikgu


Madi yang merupakan seorang pesara guru menjelaskan, beliau menerima sumbangan itu semasa bertemu Najib di Ibu Pejabat UMNO di PWTC pada tahun 2014.

Melalui sesi soal semula oleh Muhammad Saifuddin, Asmadi menjelaskan, cek tersebut tidak dikeluarkan atas nama UMNO Bahagian Padang Serai namun ia dimaklumkan kepada pengurusan parti.

"Cek tidak dimasukkan ke akaun parti kerana ia akan membatikan mesyuarat agung dan perlu disemak juruaudit," katanya.

Beliau yang pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) memaklumkan, cek tersebut diterima selepas pertemuannya dengan Najib secara peribadi.

"Dalam perjumpaan peribadi itu, saya menceri-



Najib ketika hadir perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

takan mengenai pengalaman dan perancangan saya sebagai Ketua UMNO Bahagian menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14)," ujarnya.

Menurutnya selepas menceritakan masalahnya, Najib kemudian memberi

kan semangat selain memberi sumbangan dalam bentuk cek.

"Cek tersebut berjumlah RM50,000 diberikan atas nama saya sendiri, Asmadi bin Abdul Talib sebelum saya tunaikan dalam akaun Maybank saya yang

bercawangan di Kulim Hi-Tech," katanya.

Sementara itu, menjelaskan tentang program yang dilaksanakan di kawasannya, Asmadi berkata, banyak program dilakukan termasuk program melibatkan sekolah, program

kebajikan dan peruntukan yang dipohon Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk kelancaran program.

Menjawab soalan Muhammad Saifuddin, Asmadi berkata, wang RM50,000 itu sudah habis digunakan.

Sementara itu, menjawab soalan Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah semasa sesi soal balas, beliau yang mula memegang jawatan Ketua UMNO Bahagian Padang Serai pada 2013 berkata, pertemuan dengan Najib adalah sebagai tanda penghormatan dan membincangkan rancangan parti.

"Kami berbincang mengenai Padang Serai yang merupakan kawasan Pas dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merbau Pulas merupakan kawasan PKR.

"Kami bincang bagaimana cara untuk mengembalikannya kepada BN," katanya.